

30/08/2001

LCAP jadi 'pengacau' Merdeka Millennium Endurance

LOTUS Cars Asia Pacific (LCAP) gembira memainkan peranan 'pengacau' dalam Merdeka Millennium Endurance di Litar F1 Sepang, bermula malam ini.

LCAP, yang berentap dalam kelas A dalam perlumbaan 12 jam itu menggunakan Elise Sport 190 dan Elise 160, mendapati mereka ketinggalan di belakang 3.5 liter Porsche dan 4.5 liter TVR dengan sembilan dan enam saat selepas latihan terakhir, Sabtu lalu.

Porsche, yang dipandu Mokhzani Mahathir, Datuk Azman Yahya dan Aminuddin Omar, pasti menjadi pasukan pilihan apabila mencatat kepantasan 2 minit 28 saat, tiga saat lebih pantas berbanding TVR yang dipandu Ron Lim, Zarith Alfian dan Ng Wai Leong. Lotus pula mencatat 2:37.00s.

Namun LCAP tetap bersemangat dan malah mahu menyalurkan tenaga dan tumpuan mereka untuk memberi saingan kepada dua kereta berkuasa tinggi itu.

Apapun, dalam perlumbaan panjang dan mencabar seperti Merdeka Millennium, kuasa enjin bukan penentu mutlak kejayaan sesebuah pasukan.

Aspek termasuk ketahanan kereta, kerjasama berpasukan di antara krew pit dan catatan masa konsisten daripada pemandu adalah lebih utama.

Pengurus pasukan, Oh Kah Beng, berkata dua kereta mereka masih boleh diperbaiki dari segi penyediaan bagi mendapatkan lebih ketahanan dan pengendalian serta menjimatkan petrol.

"Malah kebimbangan utama LCAP ialah bagaimana untuk mengekalkan catatan masa sepusingan yang berpatutan untuk kedua-dua kereta Elise tanpa menghabiskan terlalu banyak petrol," katanya.

Kebimbangan pengurus itu seharusnya difahami memandangkan Elise mempunyai tangki minyak yang kecil dan memerlukan lebih banyak hentian bagi menambah minyak.

Sehubungan itu, kedua-dua kereta Elise itu dilengkapi dengan alat ganti terbaru dari kilang di England bagi menjadikannya lebih berdaya saing. Elise Sport 190 akan dipandu bekas juara rali kebangsaan, Kan Chee Hong, Tengku Djan Ley dan Marcus Chye.

Elise 160 pula dipandu tiga pemandu muda, Fairuz Fauzy, Adam Lokman dan Denis Lian. Mereka begitu serasi dengan Elise kerana ciri-ciri enjin dan watak kereta yang hampir sama dengan kereta formula yang mereka guna dalam perlumbaan single seater.

(END)